

# Perluaskan kegiatan, kata Dr M

24 DEC 1987

**KUALA LUMPUR, Rabu**

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pengusaha industri tekstil tempatan meluaskan kegiatan mereka dan meningkatkan kecekapan teknikal serta pengurusan supaya dapat membantu mempercepatkan proses perindustrian negara.

Perdana Menteri berkata, ini adalah penting kerana daripada tiga jenis industri perkilangan yang berjaya, hanya industri tekstil yang dimiliki dan diusahakan sepenuhnya oleh rakyat negara ini.

Hasrat mahu menjadi sebuah negara perindustrian memang mudah diperkatakan daripada diamalkan. Tetapi kita sudah berjaya dalam industri tekstil dan ini bermakna jika kita berminat, matlamat yang dicitakan boleh dicapai, katanya.

Perdana Menteri berucap di majlis makan malam Persatuan Pengilang-Pengilang Tekstil Malaysia di sini malam ini.

Katanya, selain tekstil, kegiatan elektrik dan elektronik adalah dua industri yang berkembang melebihi 10 peratus tahun ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kejayaan industri tekstil berpuncadaripada kesanggupan pengusaha-pengusaha tempatan menerima penyertaan rakyat asing yang berpengalaman dalam ekuiti dan pengurusannya.

"Hari ini kita sudah mengambil alih industri itu setelah pengalaman kita meningkat.

"Oleh itu pengusaha tekstil perlu meningkatkan usaha kepada kegiatan hulu dan hiliran serta industri berkaitan supaya kecekapan teknikal dan pengurusan mereka digunakan untuk membantu mempercepatkan lagi proses perindustrian Malaysia," katanya.

Perdana Menteri memuji industri tekstil yang berjaya mengatasi masalah kos pengeluaran yang tinggi, iaitu salah satu faktor penghalang kepada pertumbuhan perindustrian.

Katanya, pemberian subsidi untuk mengurangkan kos pengeluaran akan menghalang pertumbuhan eksport kerana negara lain akan mengadakan dasar perlindungan menyekat kemasukan barangan Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada persatuan itu kerana berusaha meluaskan pasarannya ke negara maju termasuk Australia, New Zealand, Jepun dan memenuhi permintaan di Asia Barat.

Katanya, kerajaan berharap pengilang-pengilang tekstil terus menggunakan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan.

"Kerajaan berharap industri itu akan dapat berkembang dengan baik pada tahun 1988 dan terus memberi sumbangan kepada pendapatan negara di masa akan datang," katanya.